



# **MAKTAB RENDAH SAINS MARA KOTA PUTRA**

## **STANDARD OPERATING PROCEDURES (S.O.P)**

### **PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT, TABLET DAN KOMPUTER RIBA**



## MAKTAB RENDAH SAINS MARA KOTA PUTRA, BESUT, TERENGGANU

Peraturan dan Syarat untuk membawa dan menggunakan peralatan seperti gajet/peranti/telefon pintar di MRSM Kota Putra, Terengganu. **Objektif Peraturan :**

Mematuhi dasar kerajaan dan polisi MARA. Pada masa yang sama mengurangkan kekangan untuk pelajar menggunakan gajet/peranti/telefon pintar semasa berada di maktab di samping memberikan sokongan seadanya, selaras dengan peraturan sedia ada, polisi sedia ada, tenaga kerja, kemudahan dan tidak menjejaskan kepentingan serta operasi maktab serta MARA secara keseluruhannya.

Syarat-syarat untuk membawa, mendaftar dan menggunakan gajet/peranti/telefon pintar dan yang seumpama dengannya selepas ini disebut sebagai “peralatan” oleh pelajar di MRSM Kota Putra, Terengganu.

1. Peralatan yang berkenaan hendaklah dipastikan dari sumber yang sah. Pihak maktab berhak, pada bila-bila masa untuk meminta sebarang bentuk pengesahan sumber berkenaan dalam apa jua bentuk jika difikirkan perlu.
2. Hendaklah mendaftar dan mendapat kebenaran/kelulusan daripada pihak maktab. Maktab mempunyai hak mutlak dalam soal kebenaran dan/atau kelulusan ini dan tidak boleh dipertikaikan dengan apa jua cara. Kebenaran dan/atau kelulusan ini juga boleh ditarik balik pada bila-bila masa jika perlu tanpa memerlukan sebarang notis atau penjelasan dari pihak maktab.
3. Hanya satu (1) peralatan sahaja dibenarkan untuk didaftarkan oleh seorang pelajar
4. Peralatan yang ingin didaftarkan perlu mendapat kebenaran ibu bapa/penjaga pelajar dan/atau pemilik peralatan dengan kedua-dua pihak iaitu ibu bapa/penjaga dan/atau pemilik peralatan serta pelajar menandatangani surat akujanji yang disediakan.

5. Pemilik/pengguna peralatan hendaklah memberi kebenaran kepada maktab untuk membuat pemeriksaan semasa pendaftaran peralatan dan memastikan peralatan sentiasa dalam keadaan tiada kata kunci (password) bagi membolehkan pemeriksaan dilakukan pada bila-bila masa.
6. Pihak maktab tidak bertanggungjawab untuk memastikan peralatan yang dibawa berfungsi sebagaimana yang dikehendaki oleh pelajar yang menggunakannya.
7. Bagi setiap peralatan yang didaftarkan, hanya pelajar yang mendaftarkan peralatan berkenaan sahaja dibenarkan menggunakan peralatan berkenaan. Sebarang bentuk pinjaman, penggunaan dan yang seumpama dengannya oleh pelajar lain tidak dibenarkan sama sekali atas apa jua alasan.
8. Peralatan yang berkenaan, pada setiap masa selepas didaftarkan sehinggalah tempoh pendaftaran tamat dan dibawa pulang, hendaklah dipastikan oleh pelajar yang memilikinya/mendaftarkannya supaya tidak mengandungi dan/atau memaparkan sebarang bahan/media yang melanggar undang-undang negara (termasuk mana-mana negara luar), undang-undang tempatan, hukum syarak (bagi yang beragama Islam), menyentuh sensitiviti mana-mana agama / kaum / negara / pertubuhan / kumpulan / individu dan sebagainya yang secara rasionalnya tidak wajar bagi seorang pelajar MRSM yang berhemah tinggi dan berdisiplin.
9. Pemilik peralatan dan pelajar yang mendaftar peralatan hendaklah bersetuju yang bahawasanya pihak maktab hanya menyediakan kemudahan menyimpan tanpa menanggung sebarang risiko jika berlaku sebarang kerosakan, kecurian, kemalangan dan sebagainya yang boleh menjejaskan peralatan yang didaftarkan dan disimpan oleh maktab. Pihak maktab tidak akan melayan sebarang tuntutan gantirugi atau yang seumpama dengannya. Persetujuan ini hendaklah ditandatangani pada borang yang disediakan. Sebarang tuntutan gantirugi tidak akan dilayan.

10. Pelajar yang mendaftarkan peralatan hendaklah menghantar pulang peralatan yang telah tamat tempoh kebenaran/kelulusan kepada ibu/bapa/penjaga/pemilik peralatan. Sepertimana pihak maktab tidak menanggung sebarang risiko semasa peralatan berkenaan dalam simpanan maktab, pihak maktab juga tidak menanggung sebarang risiko terhadap peralatan berkenaan selepas ianya dipulangkan kepada pelajar yang mendaftarkannya atau pemilik peralatan berkenaan. Sebarang tuntutan gantirugi atau yang seumpama dengannya tidak akan dilayan.
11. Syarat-syarat yang tersebut di atas hendaklah semuanya dipenuhi sepenuhnya tanpa sebarang syarat. Jika ada sebarang syarat tidak dipenuhi pihak maktab berhak untuk tidak meluluskan pendaftaran dan penggunaan peralatan yang telah diluluskan, dan seterusnya peralatan berkenaan akan dikira sebagai barangan larangan dan dirampas. Tuntutan kembali peralatan yang dirampas hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Denda mungkin dikenakan berdasarkan peraturan yang sedia ada (tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa).
12. Peraturan ini tertakluk kepada pindaan oleh pihak maktab/MARA dari semasa ke semasa tanpa memerlukan sebarang notis. Sebarang kemusykilan boleh diajukan terus kepada pihak maktab.



## Maktab Rendah Sains MARA Kota Putra, Terengganu

### PERATURAN PENGGUNAAN GAJET/PERANTI/TELEFON PINTAR

---

#### PERJANJIAN DAN PERMOHONAN PENGGUNAAN GAJET/PERANTI/TELEFON PINTAR DAN KEBENARAN IBU/BAPA/PENJAGA

Saya ..... telah membaca Peraturan Penggunaan Gajet/Peranti/Telefon Pintar MRSM Kota Putra dan faham kandungannya.

Saya berjanji akan menjaga hak istimewa ini dan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan seperti yang telah digariskan.

Saya faham bahawa kemudahan penggunaan Gajet/Peranti/Telefon Pintar diberi khas untuk tujuan pembelajaran dan perhubungan dengan keluarga.

Saya faham bahawa, sekiranya syarat-syarat dan peraturan-peraturan tidak dipatuhi, kemudahan ini akan ditarik balik dan tindakan disiplin boleh dikenakan terhadap diri saya.

Saya faham bahawa maktab dan/atau guru-guru tidak bertanggungjawab atas permasalahan atau salah guna kemudahan ini serta sebarang kerosakan atau kehilangan.

Tandatangan Pelajar : \_\_\_\_\_ K.P. \_\_\_\_\_

Nama Pelajar : \_\_\_\_\_

Tingkatan : \_\_\_\_\_ No. Maktab : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

---

Saya ..... ibu/bapa/penjaga pelajar di atas telah membaca Peraturan Penggunaan Gajet/Peranti/Telefon Pintar MRSM Kota Putra dan faham isi kandungannya.

Dengan ini, saya membenarkan anak/jagaan saya menggunakan kemudahan penggunaan Gajet/Peranti/Telefon Pintar di maktab.

Saya faham bahawa, sekiranya syarat-syarat dan peraturan-peraturan tidak dipatuhi, kemudahan ini akan ditarik balik dan tindakan disiplin boleh dikenakan terhadap anak/jagaan saya.

Saya faham bahawa maktab dan/atau guru-guru tidak bertanggungjawab atas permasalahan atau salah guna kemudahan ini serta sebarang kerosakan atau kehilangan.

Tandatangan ibu/bapa/penjaga : \_\_\_\_\_

Nama ibu/bapa/penjaga : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_